

1979 DARI ZAINOOR SULAIMAN

JAKARTA, 21 MAC (BERNAMA) -- RUNDINGAN MENTERI-MENTERI ASEAN DAN AUSTRALIA MENGENAI PENERBANGAN AWAM YANG BERAKHIR DI SINI HARI INI PADA DASARNYA MELULUSKAN BENTUK TAMBANG MURAH YANG DICADANGKAN OLEH MENTERI-MENTERI ASEAN BAGI PERJALANAN ANTARA ASEAN DAN AUSTRALIA.

RUNDINGAN ITU GAGAL MENCAPI PERSETUJUAN TENTANG PENYERTAAN ASEAN DALAM SEKIM TAMBANG MURAH SYDNEY KE LONDON DAN TAMBANG SINGGAH DALAM PENERBANGAN ITU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT TERSEBUT MEMBERITAHU SATU SIDANG AKHBAR DI SINI SOAL PENYERTAAN ASEAN DALAM SEKIM TERSEBUT AKAN DIKAJI LEBIH LANJUT OLEH KEDUA-DUA PIHAK.

MENGENAI TAMBANG SINGGAH PENERBANGAN ANTARA AUSTRALIA DAN UNITED KINGDOM/EROPAH, MENTERI-MENTERI ASEAN DAN AUSTRALIA BERSETUJU SUPAYA DIKAJI LEBIH LANJUT BAGI MENCAPI TINGKATAN TAMBANG YANG TERTENTU.

MENTERI-MENTERI BERKENAAN TELAH MENGARAHKAN PEGAWAI MADING-MADING SUPAYA MENERUSKAN KAJIAN TERHADAP KEDUA-DUA PERKARA TERSEBUT DAN MELAPORKANNYA KEPADA MENTERI MADING-MADING DALAM TEMPOH SEPULAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA +KAMI TIDAK DAPAT MENENTUKAN TAMBANG TETAPI KAMI BERSETUJU SUPAYA DIADAKAN TAMBANG MURAH ANTARA AUSTRALIA DAN NEGARA-NEGARA ASEAN.+ -- BERSAMBUNG 2119/LK

EE

1620:

ASEAN-TAMBANG 2 JAKARTA

MENTERI-MENTERI BERKENAAN JUGA PERSETUJU UNTUK MERUNDINGKAN TAMBANG MURAH BERASASKAN DUA HALA TANPA MENJEJASKAN PANDANGAN BERSAMA ASEAN MENGENAI PERKARA TERSEBUT.

DR. MAHATHIR BERKATA RUNDINGAN ANTARA AUSTRALIA DAN ASEAN MUNGKIN TIDAK AKAN MENGAMBIL MASA TERLALU LAMA.

BELIAU YANG JUGA BERTINDAK SEBAGAI JURUCAKAP ASEAN DI RUNDINGAN DUA HARI ITU BERKATA MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN DALAM SIDANG YANG LALU MEMUTUSKAN BAHAWA TAMBANG MURAH TIDAK DAPAT DIPRAKTIKKAN TERHADAP BEBERAPA SYARIKAT PENERBANGAN ASEAN.

+SEKIRANYA KAMI MAHU MENYERTAINYA, KAMI AKAN BERBUAT DEMIKIAN SAMADA SINGGAH ATAU TIDAK+, KATANYA.

BELIAU BERKATA SEKIRANYA PENERBANGAN ITU DIBUAT TANPA SINGGAH DAN SEKIRANYA ASEAN TIDAK DAPAT MENGADAKAN TAMBANG MURAH SEPERTI YANG DIKENAKAN OLEH AUSTRALIA DAN BRITAIN, IA AKAN MENCADANGKAN TAMBANG YANG TINGGI SEDIKIT.

PIHAK AUSTRALIA SEDANG MENKAJI SAMA ADA KADAR KENAIKAN TAMBANG ITU AKAN MENJEJASKAN SEKIM TAMBANG MURAHNYA. -- BERSAMBUNG 2138/LK

ASEAN-TAMBANG 3 JAKARTA

MENTERI PENGANGKUTAN AUSTRALIA, ENCIK PETER NIXON YANG MENGE-
TUI ROMBONGAN AUSTRALIA BERSAMA MENTERI LUAR ENCIK ANDREW PEACOCK,
BERKATA AUSTRALIA BERCADANG UNTUK MENGENEPIKAN HAK KEBEBASAN
KELIMANYA TERHADAP MENDAPATKAN TAMBANG MURAH UNTUK SINGGAH DI
BANDARAYA-BANDARAYA ASEAN.

DENGAN ITU, KATANYA, QANTAS AKAN MENGALAMI KERUGIAN 45 JUTA
DOLLAR AUSTRALIA SEKIRANYA SINGGAH DI SINGAPURA ATAU LAIN-LAIN
BANDARAYA ASEAN.

BELIAU BERKATA BAHAWA SOAL PENYERTAAN ASEAN DALAM SEKIM
TAMBANG MURAH SEDANG DIBINCANGKAN SECARA BERASINGAN.

MENGENAI CADANGAN TAMBANG MURAH ANTARA AUSTRALIA DAN ASEAN,
ENCIK NIXON BERKATA PROSPEK BERTAMBAHNYA TRAFIK DIANGGARKAN ANTARA
26 HINGGA 30 PERATUS.

BAGAIMANAPUN ENCIK NIXON ENGGAN MENGULAS TENTANG CADANGAN
ASEAN SUPAYA DIKENAKAN 10 PERATUS DARI BAYARAN TAMBANG UNTUK
BAYARAN SINGGAH.

KATANYA, PERKARA ITU AKAN DIBINCANGKAN SELANJUTNYA SUPAYA
KEDUA-DUA PIHAK BERPUAS HATI. --BERNAMA 2200/BY